

## **Pensyarah KUTKM ikuti bengkel bahasa Inggeris**

**Archival News | Berita Harian | 10/03/2003**

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menganjurkan bengkel pemantapan bahasa Inggeris untuk tenaga pengajarnya di Port Dickson, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Seramai 28 pensyarah daripada pelbagai fakulti dan Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) menghadiri bengkel tiga hari itu dan mereka diberikan panduan serta motivasi oleh pakar perunding, Dr Riza I Beg.

Menurut Dekan PPA, Prof Madya Dr Zolkepli Buang, antara objektif bengkel 'The Dynamic use of English for KUTKM Lecturers' ialah untuk memahirkan peserta terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam semua bidang.

Di samping itu, ia juga bertujuan memberi kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan bahasa Inggeris kerana pada tahun depan, 90 peratus kuliah di KUTKM akan dijalankan dalam bahasa Inggeris.

"Walaupun bahasa Melayu adalah bahasa utama di setiap pusat pengajian tinggi awam, kepentingan bahasa Inggeris tidak boleh diabaikan kerana sebahagian besar bahan rujukan di perpustakaan KUTKM dalam bahasa Inggeris," katanya.

(END) Source : Berita Harian

(END) Source : Berita Harian